

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS LAPORAN PROJEK SARJANA MUDA

***STREET ART* SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA PEMBANGUNAN
BANDAR KREATIF: KAJIAN KES DI BANDARAYA GEORGE TOWN,
PULAU PINANG**

SESI PENGAJIAN: 2017/2018

Saya, **MOHAMAD SYAZWAN BIN SAARI**, mengaku membenarkan Laporan Projek Sarjana Muda ini disimpan di perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Laporan Projek Sarjana Muda adalah hak milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)




SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau berkepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat tetap:
821, Kampung 20, Pasir Gebu,
13100, Penaga, Pulau Pinang

Tarikh: _____

(TANDATANGAN PENYELIA)

Tarikh: _____

CATATAN:

** Jika Laporan Projek Sarjana Muda ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

***STREET ART* SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA PEMBANGUNAN
BANDAR KREATIF: KAJIAN KES DI BANDARAYA GEORGE TOWN,
PULAU PINANG**

MOHAMAD SYAZWAN BIN SAARI

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian**

**Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Disember 2017

PENAKUAN

“Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

PELAJAR :
MOHAMAD SYAZWAN BIN SAARI

TARIKH :

PENYELIA :
DR. INDERA SYAHRUL MAT RADZUAN

DEDIKASI

Alhamdulillah

*Istimewa buat ibuku tersayang dan ahli keluargaku,
Puan Mahani Binti Osman dan sekeluarga
terima kasih di atas doa dan restu yang diberikan,*

*Buat penyelia yang dihormati,
Dr. Indera Syahrul Mat Radzuan*

*Buat teman sekalian,
Nurul Ain Mohamad Ali & Ameer Assraf Zaidi yang banyak membantu dalam
menjayakan kajian ini.*

*Teman seperjuangan,
**Muhammad Arif, Nazreem Ishraf, Syukri Syukor, Tariq Mohammad, Nadihrah
Shabri, Nurafiqah Nadiyah, Nurul Hidayah & Nor Nabilah***

*Jutaan penghargaan atas dorongan dan bantuan kalian semua yang terlibat secara
langsung mahupun tidak langsung*

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada penyelia Projek Sarjana Muda saya, Dr. Indera Syahrul Mat Radzuan, di atas segala tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya untuk saya menambah baik segala kekurangan dalam kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu dan ahli keluarga saya yang memberi saya dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai saya berjaya menyiapkan kajian ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut serta dalam pembikinan kajian ini serta masa yang diluangkan dalam menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka.

Akhir madah, ucapan penghargaan ini juga ditujukan buat En. Lim Chung Wei daripada George Town World Heritage Incorporated di atas segala informasi yang diberikan serta mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan kajian ini. Terima kasih.

ABSTRAK

Street art adalah satu konsep baru dalam ruang bandar di mana elemen seni disuntik dan diadaptasi menjadi sebuah rekaan kreatif. *Street art* yang diperkenalkan pada tahun 2012 di bandaraya warisan dunia George Town menjadikan bandar ini telah setanding dengan bandar-bandar kreatif yang telah diiktiraf oleh UNESCO. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji *street art* sebagai tarikan baharu pelancongan di Pulau Pinang dan mengkaji peranan *street art* dalam pembudayaan elemen kreatif di bandar. Kajian ini mengadaptasi pendekatan kajian kes di mana kaedah kualitatif digunakan iaitu melalui kaedah temu bual semi-struktur dan kaedah pemerhatian sebagai alat perolehan data. Penemuan kajian mendapati isu dan elemen penting yang diperlukan dalam menjadikan bandaraya George Town sebagai bandar kreatif dengan mengetengahkan elemen kreativiti dan konsep *street art* di bandaraya George Town. Kajian ini telah menemui beberapa isu utama iaitu kepentingan peranan *street art* dalam mencorak identiti bandar selain memberikan imej serba baharu dalam rupa bentuk bandar. Persoalannya, sejauh manakah tahap pemahaman penduduk di bandaraya George Town ini dalam memperkasa elemen kreativiti dalam landskap bandar dan bagaimana elemen kreativiti mampu meletakkan bandaraya George Town sebagai sebuah bandar kreatif di mata dunia?

ABSTRACT

Street art is a new concept in urban space where art elements are adapted to become a creative city. Street art which was introduced in 2012 at George Town World Heritage City, may comparable to other creative cities that have been recognized by the UNESCO. This study was conducted to investigate the street art as a new tourism attraction in Penang and study the role of street art in generating creative elements in the city. This study adopted a case study approach where qualitative methods are used, mainly through interview and observation for data acquisition. The finding shows that the essential issues and elements in making George Town as a creative city are to intercede the elements of creativity and concept of street art in the city of George Town. Pertinent to this, how is the level of understanding among George Town residents on empowering the creativity elements in urban landscape and to what extent the creativity elements able to potray George Town as a creative city?

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	XV
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang	2
	1.3 Permasalahan Kajian	3
	1.4 Persoalan kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	5
	1.7 Kepentingan Kajian	6
	1.7.1 Kerajaan Negeri Pulau Pinang	6
	1.7.2 Masyarakat Pulau Pinang	7
	1.7.3 Penyelidik	7
	1.7.4 Ahli akademik	7
	1.8 Metodologi Kajian	7
	1.8.1 Peringkat awalan	7
	1.8.2 Peringkat pertengahan	8
	1.8.3 Peringkat akhir	8

1.9	Susun Atur Bab	9
1.10	Jangkaan Hasil Kajian	10
1.11	Rangka Kerja Hasil Kajian	11
1.12	Kesimpulan	12
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Definisi Bandar	13
2.3	Definisi Bandar Kreatif dan Ciri-Ciri Bandar Kreatif	14
2.4	Kekuatan Identiti Tempatan Sebagai Satu Idea Ke Arah Bandar Kreatif	16
2.5	Pengaruh Bandar Kreatif Pada Peringkat Global	17
2.6	Kekuatan Identiti Bandaraya George Town	19
2.6.1	Sejarah bangunan di bandaraya George Town sebagai identiti bandar	19
2.6.2	Kepentingan pemuliharaan bangunan bersejarah di George Town	23
2.6.3	Pemeliharaan dan pemuliharaan bandaraya George Town sebagai bandaraya warisan dunia	26
2.7	Definisi <i>Street Art</i>	32
2.7.1	Perbezaan <i>street art</i> dan grafiti	33
2.8	Perspektif <i>Street Art</i> Pada Peringkat Global	34
2.9	Perkembangan <i>Street Art</i> di Malaysia	35
2.10	Sejarah dan Perkembangan <i>Street Art</i> di Pulau Pinang	37
2.10.1	<i>Street art</i> sebagai medium kepada identiti bandar di Malaysia	39
2.11	Kesimpulan	42
BAB 3	METODOLOGI	43
3.1	Pendahuluan	43
3.2	Aliran Kajian	44
3.2.1	Fasa pertama: Mengenalpasti isu dan masalah	45
3.2.2	Fasa kedua: Kajian literatur	45
3.2.3	Fasa ketiga: Pengumpulan data dan maklumat	46
3.2.4	Fasa keempat: Analisis kajian	46

3.2.5	Fasa kelima: Kesimpulan dan cadangan	46
3.3	Kaedah Penyelidikan Kualitatif	47
3.4	Kaedah Kajian	47
3.4.1	Data primer	47
3.4.2	Data sekunder	48
3.5	Analisis Kajian	48
3.5.1	Temubual semi-struktur	49
3.5.2	Kaedah analisis tematik	49
3.7	Kesimpulan	49
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	50
4.1	Pendahuluan	50
4.2	Pengumpulan Data	51
4.2.1	Senarai responden	51
4.3	Maklumat Responden	52
4.4	Peranan <i>Street Art</i> dalam Pembudayaan Elemen Kreatif	52
4.5	Impak dan Cabaran <i>Street Art</i> Sebagai Tarikan Pelancongan di Bandaraya George Town	60
4.6	Pendapat dan Cadangan Responden	66
4.7	Kesimpulan	68
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	69
5.1	Pendahuluan	69
5.2	Penemuan Utama Kajian	70
5.2.1	<i>Street art</i> sebagai satu medium kreativiti dalam proses penginterpretasian sejarah dan sosial di bandaraya George Town	70
5.2.2	Cabaran dalam pengekaln lukisan <i>street art</i>	72
5.2.3	<i>Street art</i> sebagai satu identiti dalam menjadikan bandaraya George Town sebagai sebuah bandar kreatif	74
5.3	Limitasi Kajian	76
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	77
5.5	Potensi Kajian	77

5.5.1	Kerajaan negeri Pulau Pinang	78
5.5.2	George Town World Heritage Incorporated (GTHWI)	78
5.5.3	Penduduk Pulau Pinang	79
5.6	Kesimpulan	79
	RUJUKAN	80
	LAMPIRAN	87
	VITA	

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Senarai bandar kreatif dan bidang kreatif yang telah diiktiraf oleh UNESCO	18
Jadual 2.2	Penjelasan konsep pemuliharaan bandar dalam Piagam Burra	24
Jadual 2.3	Senarai Pelan (Berkanun dan Bukan Berkanun) oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam Melindungi Entiti Warisan di bandaraya George Town, Pulau Pinang.	25
Jadual 2.4	Contoh isu pemuliharaan atribut nilai keunggulan sejagat (OUV) di bandaraya George Town.	29
Jadual 2.5	Antara contoh <i>street art</i> yang terdapat di Malaysia	25
Jadual 4.1	Senarai responden (penduduk)	51
Jadual 4.2	Senarai responden (profesional) yang terlibat dalam kajian ini	51

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Rangka kerja kajian	11
Rajah 2.1	Sekitar pemandangan daripada senibina kolonial British yang masih kekal	22
Rajah 2.2	Bangunan Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang	23
Rajah 2.3	Kawasan bandaraya warisan dunia di bandaraya George Town	28
Rajah 2.4	Seni grafiti yang dilakukan tanpa kebenaran di Paris	33
Rajah 2.5	Keluli rod di Jalan Muntri yang menandakan tempat di mana pencipta kasut mewah terkenal dunia iaitu Jimmy Choo mula bekerja sebagai seorang pembuat kasut	37
Rajah 2.6	Lukisan yang diberi nama ' <i>Boy at Bike</i> ' merupakan hasil sentuhan daripada pelukis Lithuania iaitu Ernest Zacharevic yang paling menjadi tumpuan para pelancong	39
Rajah 2.7	Lukisan mural Kopi 'o' di bandar Ipoh	40
Rajah 2.8	Lukisan mengenai evolusi perkembangan perlombongan bijih timah di bandar Ipoh pada suatu masa dahulu	41
Rajah 3.1	Carta aliran kajian	44
Rajah 4.1	Bilangan responden yang dikelaskan berdasarkan bangsa	52
Rajah 4.2	Pemandangan salah satu lukisan mural <i>street art</i> di Lebuh Penang	53
Rajah 4.3	Pelopor lukisan <i>street art</i> di bandaraya George Town, Ernest Zacharevic bergambar bersama lukisan beliau yang menunjukkan keriangkan kenak-kanak menunggang sebuah basikal di Lebuh Armenia	55
Rajah 4.4	Lukisan yang diberi nama ' <i>Reaching Up</i> ', menggambarkan seorang kanak-kanak berusaha dalam mencapai sesuatu objek yang tinggi	55

Rajah 4.5	Lorong Ah Quee menunjukkan kombinasi seni yang mempunyai karikatur arca keluli berserta lukisan mural <i>street art</i>	56
Rajah 4.6	Lukisan mural ' <i>Boy at bike</i> '	57
Rajah 4.7	Sekitar pemandangan di salah sebuah jalan di bandaraya George Town menjelang <i>George Town Festival</i> pada tahun 2017	58
Rajah 4.8	Kemeriahan di sekitar Lebuh Pantai menerusi <i>Penang Street Food Festival</i> yang telah diadakan pada tahun 2017	59
Rajah 4.9	Borang permohonan lukisan <i>street art</i>	65
Rajah 4.10	Perbezaan warna ke atas rupa lukisan <i>street art</i> antara tahun 2011 dan 2016	65
Rajah 5.1	Perbezaan lukisan <i>street art</i> setelah penambahbaikan dilakukan oleh Ernest Zacharevic	72
Rajah 5.2	Gabungan motosikal dan karikaur menerusi lukisan ' <i>Boy on Bike</i> '	74

SENARAI SINGKATAN

GTWHI	-	George Town World Heritage Incorporated
GTF	-	<i>George Town Festival</i>
MPPP	-	Majlis Pembandaran Pulau Pinang
OUV	-	Nilai keunggulan sejagat
UNESCO	-	Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan PBB

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Temu Bual	85
B	Kertas Seminar	89

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Street art merupakan satu konsep baharu dalam penjanaan elemen kreatif pada landskap bandar di Malaysia. Lukisan-lukisan kreatif berskala besar pada dinding-dinding bangunan beserta mesej yang tertentu di sebalik lukisan tersebut, meletakkan *street art* ini berada pada kelasnya yang tertentu dan mempunyai daya tarikannya tersendiri. Di samping memberi nafas baru kepada bangunan banguna lama, ia juga boleh memberi impak yang besar kepada peningkatan jumlah pelancong pada sektor pelancongan, sektor ekonomi dan seterusnya menjurus kepada pembangunan bandar tersebut kepada sebuah bandar kreatif.

Dengan adanya rangkaian *Creative Cities Network* yang diasaskan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2004, kini wujudnya keterlihatan minat yang ditunjukkan oleh negara-negara anggota dalam menjadikan bandar mereka sebagai sebuah bandar kreatif. Proses pembudayaan elemen kreatif pada landskap bandar ini seperti konsep *street art* yang ditampilkan dapat menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi yang baru, menggalakkan penyertaan sosial, meningkatkan lagi usahasama dalam memelihara landskap bandar, warisan dan kebudayaan dan menaikkan persekitaran pemandangan dan imej bandar dan boleh menjadikan sesebuah bandar itu sebagai bandar kreatif.

1.2 Latar Belakang

Bandaraya George Town merupakan sebuah bandaraya metropolitan utara Malaysia dan merupakan ibu negeri kepada Pulau Pinang dan antara bandar yang terkenal dengan sejarahnya tersendiri didunia. Dibuka pada tahun 1786 oleh Kapten Francis Light dan telah menjalani satu proses evolusi pemodenan oleh Tun Dr. Lim Chong Eu, bandaraya George Town pada ketika ini berdiri megah dan menjadi antara bandaraya besar di utara Malaysia.

Berdasarkan fakta sejarah, bandaraya George Town merupakan antara bandar terawal yang menerima pengaruh dan pendedahan penjajahan Inggeris. Hal ini mengakibatkan terdapat banyak tinggalan bangunan sebelum perang di bandaraya ini. Terdapat sebanyak 4336 buah bangunan sebelum perang di bandaraya George Town yang mana merupakan 86% daripada keseluruhan jumlah bangunan sebelum perang di Pulau Pinang (Idid, 1995). Setelah diwartakan sebagai bandaraya warisan dunia oleh UNESCO pada 7 Julai 2008, kerajaan negeri dan juga kerjasama daripada organisasi luar seperti badan bukan kerajaan (NGO), komited dalam proses untuk menjadikan bandaraya George Town sebagai ‘muzium hidup’ di mana elemen seni dan kreativiti diserap dan dizahirkan dalam memelihara identiti bandar sebagai bandaraya warisan dunia.

Kajian ini akan membincangkan mengenai pemahaman konsep *street art* dan elemen seni dan kreativiti dalam menjadikan sesebuah bandar sebagai bandar kreatif di kawasan warisan sejarah iaitu dengan mengambil kira bandaraya George Town di Pulau Pinang sebagai kawasan kajian. Perbincangan adalah berdasarkan kepentingan elemen seni dan kreativiti melalui konsep *street art* dan juga karakter sebagai bandaraya warisan dunia di kawasan tersebut yang dapat menyumbang kepada perkembangan di bandaraya Georgetown dan mampu membawa kepada pembangunan bandaraya ini sebagai sebuah bandar kreatif. Selain itu, kajian ini juga membincangkan bagaimana evolusi perkembangan elemen seni dan kreativiti ini mampu mempengaruhi perkembangan sektor pelancongan yang merupakan daya penarik kepada kedatangan pelancong ke bandaraya George Town.

1.3 Permasalahan Kajian

Idea-idea bandar kreatif telah mula muncul dalam strategi memulihkan bandar-bandar yang sudah lama dalam perindustrian sejak dari tahun 1990an kepada satu strategi pembandaran ke arah perancangan pembangunan ekonomi yang lebih menumpukan kepada seni dan budaya sebagai satu alat pembangunan. Secara amnya, persembahan, pusat seni visual, perayaan, seni umum, seni bina bangunan, pusat seniman dan pusat budaya komuniti yang dibangunkan adalah dengan cara melaburkan wang ke dalam elemen ini supaya ia dapat menjadi satu elemen penarik kepada kedatangan pelancong ke kawasan tersebut (Markusen, 2006).

Pada Festival George Town (GTF) tahun 2012, konsep *street art* hasil sentuhan pelukis dari Lithuania, Ernest Zacharevic telah berjaya memberi nafas baru kepada lorong dan bangunan lama di bandaraya George Town. Elemen kreatif yang mewarnai bandaraya George Town menjadikan imej bandaraya ini lebih menarik dari perspektif mata oleh para pengunjung dan penduduk. Tambahan pula, identiti bandaraya ini yang terkenal dengan sejarahnya yang tersendiri dan juga karakternya sebagai bandaraya warisan dunia telah meningkatkan lagi bilangan kedatangan para pelancong ke bandaraya tersebut dan menjurus kepada perkembangan bandaraya tersebut. Namun begitu, terdapat juga terdapat beberapa permasalahan yang berlaku akibat daripada perkembangan positif ini. Permasalahan yang dilihat adalah merujuk kepada usaha penjanaan elemen seni dan kreativiti melalui konsep *street art* dalam memelihara identiti dan juga status bandaraya George Town sebagai bandaraya warisan dunia.

Menerusi kajian ini, penyelidik menyenaraikan beberapa isu dan permasalahan yang timbul antaranya termasuklah kurangnya kesedaran dan penglibatan masyarakat setempat terhadap kualiti rupa bandar dan kepentingannya, cabaran yang dihadapi dalam memelihara bangunan-bangunan lama dan *street art* di bandaraya George Town dan akhir sekali pemahaman konsep *street art* dan juga konsep bandar kreatif dalam menjadikan bandaraya George Town sebagai sebuah bandar kreatif.

Permasalahan pertama merungkai terhadap isu kurangnya kesedaran dan penglibatan masyarakat terhadap kualiti rupa bandar dan kepentingannya. Keunikan dan keistimewaan sesuatu tempat selalunya tidak disedari oleh masyarakat setempat kerana perkara tersebut telah menjadi perkara yang normal bagi mereka. Walaupun

ramai yang berulang alik ke bandar setiap hari, namun jarang sekali di antara mereka yang meluangkan secebis daripada masa mereka untuk memerhatikan betapa uniknya seni dan bentuk bangunan yang masih gah berdiri dari sebelum era peperangan. Menurut Idid (1995), jika penduduk setempat mengabaikan kepentingan dan sumbangan bangunan lama terhadap identiti bandar, hal ini akan menyebabkan hilangnya nilai warisan seni bina yang tidak dapat digantikan lagi .

Permasalahan seterusnya melihat kepada cabaran yang dihadapi dalam pemeliharaan bangunan-bangunan warisan dan juga *street art* di bandaraya George Town. Antaranya termasuklah kegiatan vandalisme yang mencacatkan status dan identiti bandar. Kegiatan vandalisme ini bukan sahaja mencacatkan identiti dan rupa bandar tetapi turut mengancam kepada penghakisan seni dan warisan yang terdapat di situ. Menurut Zuraidi (2011), kegiatan seperti menconteng akan merosakkan fabrik bangunan yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Selain itu, ada antara proses pemeliharaan bangunan-bangunan bersejarah ini tidak selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang menyebabkan hilangnya nilai sejarah dan identiti terhadap sesebuah bangunan tersebut (GTWHI, 2014a).

Akhir sekali adalah pemahaman terhadap konsep *street art* dan juga konsep bandar kreatif oleh penduduk di bandaraya George Town itu sendiri dalam menjadikan bandaraya ini sebagai sebuah bandar kreatif. Konsep *street art* ini merupakan satu konsep seni yang bermula daripada seni grafiti namun ianya sama sekali berbeza dari segi penzahiran seni terhadap sesuatu tempat tersebut. Perintis kepada idea *street art* iaitu John Fekner telah menyatakan pandangan beliau mengenai *street art* iaitu “ Segala bentuk seni jalanan adalah bukan grafiti” (Lewisohn, 2008). Berbeza pula sejarahnya dengan seni grafiti, ianya merujuk kepada satu bentuk vandalisme yang mencacatkan harta benda awam oleh kerana lukisan itu dilakukan tanpa kebenaran (Macdonald, 2001).

Selain itu, dalam menjadikan sesebuah bandar itu sebagai bandar kreatif adalah dengan mengekalkan ciri-ciri identiti bandar yang menjadi tarikan kepada bandar tersebut (Richards, 2014). Antara elemen yang membolehkan bandaraya George Town diiktiraf sebagai bandaraya warisan dunia pada 2008 adalah kerana masyarakatnya masih mengekalkan budaya dan corak hidup secara tradisional. Namun begitu, pembangunan moden yang sedang pesat membangun di pusat bandar ini sedikit sebanyak menenggelamkan ciri-ciri warisan dan tradisional yang pernah wujud di sini (Ismail, 2015). Oleh itu, sejauh manakah pemahaman terhadap kedua-

dua konsep ini mampu meletakkan bandaraya George Town sebagai salah sebuah bandar kreatif di dunia?

Dengan segala isu dan permasalahan ini, maka perancangan yang teliti ke arah pembudayaan elemen kreatif di bandaraya George Town haruslah diambil kira bagi memastikan bandaraya George Town gah berdiri sebagai sebagai sebuah bandar kreatif manakala karakter bandaraya warisan dunia di bandar ini kekal sebagai identiti bandar bersejarah yang kaya dengan elemen seni, kreativiti, budaya dan warisan.

1.4 Persoalan kajian

Sehubungan dengan permasalahan yang telah dikemukakan, terdapat beberapa persoalan yang wujud bagi menjalankan kajian ini. Persoalan persoalan yang timbul adalah:

1. Apakah peranan komponen kreativiti *street art di bandaraya George Town* sebagai sebuah bandar kreatif?
2. Apakah isu dan cabaran kesenian *street art* dalam pembudayaan kreativiti sesebuah bandar?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu:

1. Memahami peranan *street art* dalam pembudayaan elemen kreatif pada landskap bandar ke arah menjadi sebuah bandar kreatif.
2. Mengkaji impak dan cabaran *street art* sebagai tarikan pelancongan baru di bandaraya George Town.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini meletakkan pusat bandaraya George Town sebagai kawasan kajian utama dalam mencapai objektif utama kajian ini. Kajian ini juga memfokuskan kepada peranan kerajaan negeri dalam pembudayaan elemen kreatif melalui konsep *street art*

di bandaraya George Town. Selain itu, kajian ini turut mengkaji kepada konsep *street art* sebagai daya tarikan pelancongan baru di George Town. Isu dan cabaran yang di hadapi oleh kerajaan negeri Pulau Pinang dalam pembudayaan elemen kreatif di samping pemeliharaan warisan dan identiti bandaraya George Town sebagai bandaraya warisan dunia diambil kira sepanjang kajian. Seterusnya, kajian ini turut melihat kepada persepsi masyarakat Pulau Pinang terhadap kepentingan dan penglibatan mereka dalam proses pembudayaan elemen kreatif dan juga kepentingan menjaga warisan di bandaraya George Town.

Pengumpulan data primer adalah berdasarkan maklum balas hasil daripada kaedah temubual dan juga pemerhatian di sekitar kawasan kajian. Seterusnya pengumpulan data sekunder pula diperolehi daripada beberapa buku, jurnal terdahulu, laman web serta sumber sumber relevan lain yang berkaitan dengan *street art* dan juga bandar kreatif.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka akan memberi faedah kepada pihak pihak yang berikut:

1.7.1 Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kajian ini memberi kepentingan kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memperkasakan lagi pembudayaan elemen kreatif pada bandaraya George Town dalam menjadikan bandar ini sebagai sebuah bandar kreatif. Selain itu, menerusi hasil kajian ini juga membolehkan kerajaan Negeri Pulau Pinang mengetahui kesan positif dan negatif daripada proses pembudayaan elemen kreatif dan juga keberkesanan *street art* sebagai tarikan pelancongan baru di negeri Pulau Pinang di samping mengetengahkan elemen warisan dan budaya bagi mengekalkan status bandaraya George Town sebagai bandaraya warisan dunia. Oleh itu, kerajaan negeri dapat mengetahui kepentingan pembudayaan elemen kreatif dan impak *street art* dalam pengekaln imej dan identiti bandaraya George Town sebagai bandaraya warisan dunia dan membawa kepada perkembangan bandar yang lebih efisien dan dinamik.

1.7.2 Masyarakat Pulau Pinang

Menerusi kajian ini, masyarakat Pulau Pinang dapat mengubah persepsi mereka terhadap pentingnya penglibatan mereka dalam proses pembudayaan elemen kreatif di bandaraya George Town. Hal ini juga membawa kepada pentingnya kesedaran masyarakat Pulau Pinang ini dalam mengekalkan elemen warisan dan tradisional demi menjaga status bandaraya GeorgeTown sebagai bandaraya warisan dunia.

1.7.3 Penyelidik

Kajian ini dapat membantu penyelidik untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh kerajaan negeri terhadap pembudayaan elemen kreatif melalui konsep *street art* dan juga kesan terhadap masyarakat di bandaraya George Town dalam proses pembudayaan elemen kreatif ini. Selain itu kajian ini juga dapat membantu penyelidik dalam mengetahui elemen-elemen penting dalam proses menjadikan sesebuah bandar itu sebagai sebuah bandar kreatif.

1.7.4 Ahli akademik

Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan ahli akademik serta boleh menambah bahan ilmiah berkaitan dengan proses pembudayaan elemen kreatif, konsep *street art* dan bandar kreatif.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini adalah berdasarkan teknik kualitatif di mana ianya dibahagikan kepada dua kategori iaitu melalui perolehan data premier dan data sekunder. Kajian ini dijalankan melalui tiga peringkat iaitu peringkat awalan, peringkat pertengahan dan juga peringkat akhir. Peringkat metodologi kajian adalah seperti berikut:

1.8.1 Peringkat awalan

Kajian ini dimulakan dengan pengenalan yang diterangkan berdasarkan isu isu yang ingin dikaji. Hasil daripada beberapa sumber ilmiah seperti buku, jurnal, tesis

terdahulu, keratan akhbar dan sumber-sumber lain seperti internet adalah sumber yang diambil kira oleh penyelidik dalam kajian. Selain itu, pada peringkat ini, penyelidik juga turut menyertakan elemen-elemen lain seperti persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, rangka kerja kajian, jangkaan hasil kajian serta kesimpulan kajian.

1.8.2 Peringkat pertengahan

Bagi peringkat ini, penulisan kajian dimulakan dengan kajian literatur berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian literatur merupakan peringkat yang penting dalam kajian kerana ia akan menerangkan secara ilmiah mengenai definisi-definisi dan mengumpul data-data yang lebih terperinci berkenaan tajuk kajian. Pengumpulan data kajian adalah berdasarkan data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh secara pengumpulan data berdasarkan kaedah kualitatif. Melalui kaedah ini, penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah temu bual semi-struktur dan kaedah pemerhatian sebagai cara untuk mendapatkan data berlandaskan objektif daripada tajuk kajian. Manakala data sekunder diambil daripada sumber-sumber ilmiah seperti buku, jurnal, tesis terdahulu, keratan akhbar dan juga internet untuk menyokong dan melihat kembali kepada pengumpulan data primer. Pengumpulan data sekunder juga adalah untuk tujuan perbandingan terhadap data yang telah direkodkan oleh penyelidik lain di dalam kajian mereka sendiri.

1.8.3 Peringkat akhir

Segala data yang telah dikumpulkan akan dianalisa menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk mencapai objektif kajian. Oleh yang demikian, dapatan kajian akan dirumuskan dan cadangan-cadangan tertentu seperti penambahbaikan akan di berikan pada akhir penulisan kajian.